

24/03/2002

`Lebih kerja daripada bercakap'

Zainudin Isa; Jamhariah Jaafar

SEMALAM, sahlah dua calon, Yum Ah Ha, 50, dan Choong Siew Onn, 34, bertanding bagi merebut kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Ketari yang kosong berikutan kematian penyandanginya, Datuk Loke Koon Kam, 3 Mac lalu. Pilihan raya kecil Ketari dikatakan amat menarik sebelum ambang pilihan raya umum 2004. Benarkan dua calon ini bukan sekadar 'bertempur' sesama calon berketurunan Kwongsai? Apakah manifesto, strategi dan kelebihan kedua-dua calon ini. Wartawan Berita Minggu, ZAINUDIN ISA dan JAMHARIAH JAAFAR menemu bual Yum (calon BN) dan Choong (calon DAP) sebaik selesai penamaan calon di Dewan Sri Bentong, semalam.

Apa kata Yum Ah Ha (Calon BN)

APA perasaan anda apabila dipilih dan disahkan menjadi calon BN?

Tentulah saya amat berterima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi BN yang memberi kepercayaan memilih saya mewakili BN bertanding di Ketari. Begitu juga terima kasih saya kepada Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob dan Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik. Saya penuh yakin kerjasama erat dan usaha gigih semua parti komponen, kita semua akan menghadapi pilihan raya kecil ini dengan semangat dan azam kemenangan yang tinggi.

Apa tugas pertama anda selepas pencalonan diterima, semalam?

Saya akan bekerja bersungguh-sungguh bersama jentera pilihan raya BN bagi mengekalkan kerusi Ketari. Selain turun berkempen, saya akan memastikan penubuhan 15 kumpulan khidmat parti Gerakan di DUN Ketari diteruskan. Program ini berbentuk satu kumpulan nukleus untuk menangani segala isu di kawasan Ketari.

Ramai yang menganggap anda orang baru berbanding Choong yang masuk kali ketiga bertanding. Jadi, anda rasa apa kelebihan anda?

Saya akui perkara ini kerana Chong masuk kali ketiga bertanding dalam pilihan raya di sini. Namun, sebagai orang sini, hubungan saya dengannya tetap sebagai kawan, cuma kita mungkin berbeza sebab menjadi calon parti yang bertentangan. Tapi saya yakin kelebihan saya kerana saya mempunyai jentera pilihan raya yang kuat. Ramai tokoh dan pemimpin berpengalaman sentiasa menunjuk ajar dan membantu bagi memastikan kejayaan BN kali ini.

Kebanyakan isu tempatan, terutama masalah tanah telah banyak diselesaikan kerajaan. Adakah ini menjadikan kerja anda lebih mudah berbanding Choong yang mula kekeringan modal untuk berkempen?

Saya rasa isu tempatan tetap menjadi modal berkempen dan bagi BN secara amnya kita akan menumpukan kepada keperluan pembangunan masyarakat di sini. Mungkin tidak ada isu spesifik lagi seperti masalah hak milik tanah di Felda Mempaga, permohonan kawasan dusun di Janda Baik dan tanah tanaman halia di Bukit Tinggi.

Bagaimana anda melihat peluang untuk menang?

Ketika ini saya percaya peluang kita ada 50-50. Saya mesti berhati-hati walaupun semua parti komponen BN sudah mulai turun untuk membantu tapi kita mesti berhati-hati terhadap isu yang mungkin boleh dibangkit atau dipermainkan oleh pembangkang.

Selain itu pembangkang mungkin akan mendapat simpati, sebab kononnya ini adalah kali ketiga mereka bertanding. Tapi dalam soal ini bukan berapa kali seseorang itu sudah bertanding, yang lebih penting ialah sama ada orang itu mempunyai satu sistem perkhidmatan yang lebih berkesan untuk ditawarkan kepada rakyat.

Apakah antara isu yang mungkin akan dibawa pada pilihan raya kecil ini?

Pembangking sudah pasti akan membawa isu nasional terutama pelbagai isu sensitif dan kontroversi di kalangan orang Tionghua seperti isu negara Islam dan sebagainya.

Kami juga menjangka di kalangan pengundi Melayu pula DAP yang akan dibantu Keadilan dan Pas, tidak kira sama ada senyap-senyap, tidak langsung atau secara terbuka sekalipun. Justeru, kami kena berhati-hati dan akan menerus kempen bermesra rakyat. Walaupun akan ada aktiviti dan program besar, kita juga akan menumpukan perhatian kepada gerakan dari rumah ke rumah.

Anda dilihat sebagai seorang yang pemalu, bagaimana anda akan menghadapi pengundi dan kerendah pembangkang?

Ini tanggapan orang, sememang saya seorang yang 'quiet worker' sebab saya percaya lebih baik kerja daripada cakap banyak, tapi ini tidak bermakna saya tidak akan berucap di Dewan Undangan Negeri untuk menyuarakan isu dan masalah rakyat kawasan Ketari khususnya, dan Bentong amnya.

Ucapan akan saya buat, tapi mungkin kalau rakyat hendakkan saya menjadi pemedato yang hebat... itu bukan gaya saya. Apa yang penting bagi saya ialah dapat berkhidmat secara jujur dan bekerjasama secara rapat dengan semua parti komponen.

Sebagai contoh sekarang, beberapa pusat perkhidmatan telah ditubuhkan oleh mendiang Datuk Loke dan selama ini saya sudah banyak membantu pusat khidmat terbabit. Justeru, sekiranya saya dipilih, saya akan meneruskan perkhidmatan dalam semua pusat yang dimiliki oleh semua parti komponen BN itu. Saya amat berharap dapat menjalinkan satu sistem perkhidmatan yang cukup berkesan.

Apa pendapat anda mengenai lawan anda dari parti DAP?

Sememangnya dia akan cuba mencetuskan perasaan simpati kerana ini kali ketiga dia bertanding. Tapi seperti yang saya katakan tadi, isunya bukan simpati tapi keberkesanan perkhidmatan untuk rakyat kawasan ini. Sebagai wakil rakyat BN, saya boleh memainkan peranan lebih berkesan bekerjasama dengan Ahli Parlimen yang juga dari BN, di samping akan mendapat kerjasama lebih baik daripada Kerajaan Negeri yang juga milik BN.

BN memang mempunyai satu rekod perkhidmatan yang begitu jelas dan dirasakan oleh rakyat. Jadi sekali lagi ingin saya tegaskan iaitu isu bukan berapa kali bertanding tetapi bagaimana anda boleh berkhidmat dengan baik dan memastikan rakyat di kawasan ini dapat terus hidup dalam keadaan aman, makmur dan sejahtera.

Bagaimana hubungan atau kerjasama anda dengan parti komponen BN yang lain?

Saya mempunyai hubungan yang amat rapat dengan semua parti komponen dan saya memang menyanjung tinggi sikap serta pendekatan Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob yang juga Adun Pelangai (juga dalam kawasan Bentong) dalam menangani semua masalah yang dihadapi oleh penduduk di sini.

Apa yang akan anda lakukan sekiranya dipilih sebagai wakil rakyat?

Saya akan terus berkhidmat untuk rakyat dan akan bekerjasama dengan kerajaan dan Ahli Parlimen dan Menteri Besar supaya menyelesaikan beberapa masalah yang dihadapi oleh penduduk kawasan ini.

Antaranya masalah bekalan air, banjir dan di tempat tertentu masalah geran tanah yang belum lagi selesai, tapi sedang dan akan diselesaikan tidak lama lagi sebab Menteri Besar sudah mengambil langkah untuk menyelesaikan masalah ini sejak beberapa bulan lalu.